

Hutang baharu kerajaan bagi 2023 turun dibanding 2021, 2022

PM sifatkan pengurangan bukti Pusat komited penuhi janji

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, hutang baharu yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di bawah pentadbirannya sepanjang 2023 dan tahun ini, menyaksikan penurunan berbanding tempoh 2021 dan 2022.

Perdana Menteri menyifatkan, penurunan itu menunjukkan komitmen pentadbirannya dalam memenuhi janji menurunkan hutang terkumpul negara yang kini sudah mencecah RM1.5 trilion.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, menegaskan kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya membatalkan semua hutang termasuk yang diwarisi, memandangkan langkah sedemikian akan menjejaskan projek membantu rakyat seperti membina sekolah atau universiti baru.

“Umpamanya 2021, kita berhutang dari luar dan dalam RM100 bilion. Pada 2022 RM100 bilion. Sejak ambil alih pada 2023, kita beritahu keadaan ini tidak boleh kita pertahankan dengan hutang berlonggok dan bertambah.

“Maka pada 2023, kita kurang-

kan hutang ke RM93 bilion daripada RM100 bilion sebelumnya (2022) atau tahun sebelumnya (2021). Tahun ini (2024), hutang RM86 bilion. Kuranglah maknanya daripada RM100 bilion jadi RM93 bilion, sekarang RM86 bilion.

“Tetapi mengapa tidak boleh terus batal semua hutang? Maka ia menjejaskan projek membantu rakyat. Sekolah baharu atau universiti dan pembangunan, termasuk tanggungan kita membayar hutang lama,” katanya menerusi satu video di kongsi Facebook beliau semalam.

Had statutori hutang tinggi

Anwar mengakui tanggungan hutang atau had statutori hutang negara masih tinggi iaitu 64 peratus daripada Keluaran Dalam

Negara Kasar (RDNK).

“Ini jumlah yang memang melebihi daripada apa yang kita rasakan membantu untuk menambat keyakinan pelabur asing atau domestik.

“Jadi sasaran kita secara berperingkat menurunkan kepada sekurang-kurangnya 60 peratus.

“Ini ada kaitan dengan defisit. Dulu defisit belanjawan, maknanya pendapatan kurang, belanja lebih.

“Jadi dulu mencecah sehingga enam peratus. Kemudian bila kita ambil alih, 5.6 peratus pada 2022. Manakala pada 2023, turun kepada lima peratus,” katanya.

Maka sebab itu katanya, kerajaan berusaha menurunkan secara berperingkat daripada 5.6 peratus defisit kepada 5.0 peratus pada 2023, seterusnya ke tahap 4.3

peratus seperti diunjurkan tahun ini.

Justeru, menurut Perdana Menteri adalah tidak benar mengatakan bahawa dasar kewangan, fiskal, belanjawan itu nampak mengekang dan tidak memenuhi apa yang dijanjikan.

“Tetapi yang diuar-uarkan itu sebahagiannya itu tidak berdasarkan fakta. Sebahagiannya itu hanya lontaran politik yang tidak bertanggungjawab sebab saya berrikan angka ini dan angka ini dipertahankan dari sudut kebenarannya.

“Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa, memang mengeluarkan data ini bersama dengan Jabatan Statistik Negara.

“Saya lihat dalam media sosial kita diserang tapi faktanya tidak benar,” katanya.